



19 JUN, 2020

Tamu Beaufort buka semula operasi minggu ini

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Tamu Beaufort buka semula operasi minggu ini

Ahmad Apong

BEAUFORT: Pasar tani (tamu) Beaufort di sini akan memulakan semula operasinya minggu ini dengan syarat mematuhi Prosidure Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan.

Majlis Daerah Beaufort berkata peniaga yang bukan dari Beaufort, Weston dan Membakut tidak dibenarkan beroperasi di tamu itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Dalam kenyataan pada Khamis, majlis itu berkata Tamu Beaufort akan beroperasi pada Sabtu, Tamu Weston pada Khamis, Tamu Membakut setiap Rabu dan Ahad manakala Tamu Gadong akan beroperasi pada Ahad.

Waktu operasi yang dibenarkan adalah dari pukul 6 pagi hingga 3 petang.

Orang awam juga dinasihati agar menjaga penjarakan sosial.

Selain itu, peniaga perlu memakai pelitup muka dan menyediakan cecair pembasmi kuman untuk pelanggan mereka.

Setiap peniaga juga hanya dibenarkan menggunakan kem berukuran 10 x 10 (perniagaan bukan makanan) dan ukuran 20 x 20 (untuk penjaja makanan).

Majlis Daerah menggesa penjaja agar menjaga kebersihan di sekitar gerai dan menyediakan tong sampah kecil untuk tujuan itu.

Setiap peniaga juga diwajibkan memo-hon lesen perniagaan yang boleh dilakukan di kaunter majlis daerah itu.



19 JUN, 2020

Tamu Beaufort buka semula operasi minggu ini

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ahmad Apong BEAUFORT: Pasar tani (tamu) Beaufort cli sini akan memulakan semula operasinya minggu ini dengan syarat mematuhi Prosidure Operasi Standard (SOP) Kemcnterian Kesihatan. Majlis Daerah Beaufort berkata peniaga yang bukan dari Beaufort, Weston dan Membakut tidak dibenarkan beroperasi di tamu itu sepanjang lempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).